

## Kawal Selia Perkhidmatan e-Hailing

---

PUTRAJAYA : Berkuatkuasa esok, Kerajaan akan mengawal selia perkhidmatan e-hailing di negara ini dalam usaha memberikan kesaksamaan terhadap pemandu teksi. Menteri Pengangkutan , Anthony Loke Siew Fook berkata, langkah itu di ambil menerusi pelaksanaan beberapa syarat baharu selaras dengan Akta Pengangkutan Awam Darat(Pindaan) 2017 dan Akta Lembaga Pengangkutan Kenderaan Perdagangan (LPKP) (Pindaan) 2017. Beliau berkata, antara syarat yang ditetapkan adalah semua pemandu e-hailing perlu mendapatkan lesen kenderaan pengangkutan awam(PSV) , membuat pemeriksaan kesihatan, saringan rekod jenayah serta pemeriksaan kenderaan melalui pihak Puspakom Sdn. Bhd.( Puspakom). Tambahnya, semua syarikat yang mengendalikan perkhidmatan e-hailing diberikan tempoh moratorium selama setahun bagi melaksanakan semua peraturan yang ditetapkan.”Setelah mendengar pelbagai keluhan pemandu teksi dan pemandu e-hailing, SPAD telah merangka perundangan dan syarat-syarat yang akan dikenakan kepada perniagaan penghantaran dan pemandu e-hailing.

“Dengan akta-akta ini, syarikat-syarikat e – hailing mesti berdaftar dengan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) sebagai perniagaan penghantaran dan perlu membayar yuran yang ditetapkan,” katanya dalam sidang akhbar di sini hari ini. Berhubung rungutan syarikat e-hailing mengenakan kadar komisen tinggi sehingga 25 peratus, Anthony berkata, kerajaan menetapkan kadar komisen maksimum sebanyak 10 peratus bagi perkhidmatan yang dijalankan oleh pemandu teksi dan 20 peratus bagi perkhidmatan yang dijalankan oleh kenderaan persendirian.

“Selain itu, kadar surcaj dihadkan kepada dua kali ganda dari harga tambang sahaja,” katanya. Anthony menambah, antara pendekatan yang akan dilaksanakan kerajaan juga merangkumi pemeriksaan kenderaan di Puspakom bagi kenderaan teksi dan e-hailing dikurangkan kepada sekali setahun selepas kenderaan melebihi had usia tiga tahun dari tarikh pendaftaran Jabatan Pengangkutan Jalan(JPJ).” Pemeriksaan meter bagi kelas lesen teksi pula akan dilakukan sekali setahun berbanding dua kali setahun sebelum ini serta latihan pemandu menggunakan modul latihan yang mengambil masa enam jam sahaja dengan yuran RM200 seorang,” katanya. Sementara itu, Anthony memberitahu, setelah penggabungan Grab dan Uber pada Mac lalu, SPAD telah menerima banyak aduan berkenaan kenaikan tambang Grab.